

HELAIAN MAKLUMAT PRODUK

OVERSEAS MORTGAGE FINANCING-i

Pelanggan yang Dihormati,

Helaian Maklumat Produk (HMP) ini direka untuk memberi anda maklumat utama mengenai **Overseas Mortgage Financing-i**. Pelanggan lain telah membaca HMP ini dan mendapati ia bermanfaat. **Anda juga harus membacanya.**



Tarikh:

1. Apakah Produk Overseas Mortgage Financing-i?

Overseas Mortgage Financing-i ialah kemudahan pembiayaan bertempoh gadai janji berlandaskan syariah yang dicagangkan ke atas hartanah kediaman atau komersial. Pembayaran bagi kemudahan pembiayaan ini adalah melalui ansuran bulanan yang dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif, tempoh pembiayaan dan baki pembiayaan tertunggak.

Produk ini beroperasi di bawah kontrak Murabahah Komoditi (kos ditambah untung). Bank membeli komoditi yang patuh Syariah dari pihak ketiga atas permintaan anda dan menjualnya kepada anda pada Harga Jualan Bank, yang perlu dibayar dalam tempoh yang dipersetujui. Bank bertindak sebagai ejen anda untuk menjual komoditi tersebut kepada pihak lain secara tunai, dengan hasil jualan disalurkan mengikut terma-terma fasiliti.

2. Ketahui Tanggungjawab Anda

Sebagai ilustrasi, butiran Overseas Mortgage Financing-i ini adalah seperti berikut:

- | | | |
|-----------------------------|---|---------------|
| • Jumlah Pembiayaan Anda | - | RM 800,000.00 |
| • Ansuran Bulanan Anda | - | RM 4,149.10 |
| • Tempoh Pembiayaan Anda | - | 30 Tahun |
| • Kadar Asas Standard (KAS) | - | 2.75% |
| • Kadar Keuntungan Efektif | - | 4.70% setahun |
| • Kadar Keuntungan Siling | - | 10.40% |

Secara keseluruhan, anda akan membayar sebanyak **RM 1,493,676.00** pada akhir tempoh 30 tahun.

Anda perlu membayar yuran dan caj berikut:

- | | | |
|---|---|------------|
| • Yuran Pemprosesan bagi Pengeluaran Semula Bayaran Pendahuluan | - | RM 25 |
| • Surat Untuk Pengeluaran KWSP | - | RM 10 |
| • Surat Penebusan | - | RM 50 |
| • Caj Lewat Bayar
(1% setahun ke atas ansuran tertunggak) | - | 1% setahun |

Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk:



Baca dan fahami segala terma utama dalam kontrak sebelum anda menandatangani.



Membayar ansuran bulanan anda tepat pada masa dan sepenuhnya selama **30** tahun. Hubungi kami jika anda merancang untuk menyelesaikan pembiayaan lebih awal.



Pastikan anda mampu untuk **membayar ansuran bulanan yang lebih tinggi** jika kadar pembiayaan meningkat.



Hubungi kami dengan segera, jika anda tidak mampu untuk membayar ansuran bulanan anda.

3. Ketahui Risiko Anda

Apa berlaku jika anda mengabaikan tanggungjawab anda?

1. Anda mungkin perlu membayar lebih banyak secara keseluruhan disebabkan caj lewat bayar.
2. Kami mungkin memotong daripada akaun semasa/simpanan anda dengan kami untuk menyelesaikan baki tertunggak anda.
3. Kami mungkin mengambil tindakan untuk menjual hartanah anda atau mengambil tindakan undang-undang terhadap anda.
4. Penilaian kredit anda mungkin terjejas.

HELAIAN MAKLUMAT PRODUK

OVERSEAS MORTGAGE FINANCING-i

Ansuran bulanan anda mungkin meningkat semasa tempoh pembiayaan.

KAS bagi produk pembiayaan ini mungkin meningkat disebabkan kenaikan Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Kenaikan KAS bermakna ansuran bulanan anda akan lebih tinggi, seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Jumlah Pembiayaan: RM800,000.00					
		Kadar Semasa		KAS meningkat + 1%	KAS meningkat + 2%
Ansuran Bulanan	RM	4,149.10	RM	4,643.20	RM 5,162.22
Jumlah Keuntungan Perlu Dibayar	RM	693,676.00	RM	871,552.00	RM 1,058,399.00
Jumlah Pembayaran	RM	1,493,676.00	RM	1,671,552.00	RM 1,858,399.00

Dalam semua keadaan, jumlah keseluruhan ansuran yang perlu dibayar oleh anda tidak akan melebihi Harga Jualan Bank.

4. Terma Penting Lain

- Adalah penting untuk anda memaklumkan sebarang perubahan maklumat untuk menghubungi anda supaya surat-menyurat dapat disampaikan tanpa kelewatan.
- Anda digalakkan untuk mendapatkan perlindungan takaful/insurans bagi melindungi baki pembiayaan tertunggak sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal. Perlindungan takaful tersebut boleh diperoleh daripada panel pengendali takaful kami atau mana-mana syarikat takaful lain yang diluluskan oleh kami.
- Anda dikehendaki untuk mendapatkan perlindungan takaful/insurans kebakaran bagi melindungi harta kediaman yang dicagarkan kepada kami sebagai cagaran sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan akibat kebakaran. Perlindungan takaful tersebut boleh diperoleh daripada panel pengendali takaful kami atau mana-mana syarikat takaful lain yang diluluskan oleh kami.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai Overseas Mortgage Financing-i anda, anda boleh:



Hubungi kami di talian
1-300-88-6688



Layari laman web kami di
<https://www.maybank2u.com.my>



Emel kami di
MGCC@maybank.com.my

Pengakuan Pelanggan*

Sila pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan memahami tentang apa yang anda tandatangani

☐

Saya mengakui bahawa Maybank Islamic Berhad telah memberikan saya salinan HMP ini.

☐

Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terdapat di dalam HMP ini.

* Pengakuan anda terhadap HMP ini tidak akan menjejaskan hak anda untuk mendapatkan penyelesaian sekiranya berlaku pertikaian mengenai terma-terma yang dinyatakan dalam HMP ini.

.....
Nama:

Tarikh: